Rohani & Agama 8 Oktober 2023 Kemas kini 21 November 2026

Doa Selepas Solat Fardu

Himpunan doa selepas solat fardu yang lazim diamalkan di Malaysia: tulisan Arab, bacaan rumi dan maksud, baris demi baris. Boleh dibuka terus di telefon selepas berzikir.

Teks Arab (jawi), rumi dan maksud

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

Bismillahir rahmanir rahim
Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ
وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Alhamdulillahi rabbil 'alamin,
wassolatu wassalamu 'ala sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa sohbihi ajma'in.
Segala puji bagi Allah, Tuhan pentadbir seluruh alam.
Rahmat dan sejahtera ke atas penghulu kami Nabi Muhammad serta ke atas keluarga dan para sahabat baginda.

اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا وَلِوَالِدِيْنَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِغَارًا

Allahummaghfir lana wa liwalidina warhamhum kama rabbauna sighara.
Ya Allah, ampunilah kami serta kedua ibu bapa kami dan kasihanilah mereka sebagaimana mereka memelihara dan mendidik kami di masa kecil.

اَللَّهُمَّ اجْعَلْ دِيْنَنَا دِيْنَ النَّبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

وَإِسْلاَمَنَا إِسْلاَمَ الْمُسْلِمِينَ

وَإِيْمَانَنَا إِيْمَانَ الْمُؤْمِنِينَ

وَصَلاَتَنَا صَلاَةَ الخَاشِعِينَ

وَأَعْمَالَنَا أَعْمَالَ الصَّالِحِينَ

وَنِيَّتَنَا نِيَّةَ الْمُخْلِصِينَ

وَذُنُوبَنَا ذُنُوبَ الْمُسْتَغْفِرِينَ

وَحَيَاتَنَا حَيَاةَ العُلَمَاءِ

وَمَوْتَنَا بِمَوْتِ الشُّهَدَاءِ

وَأَدْخِلْنَا الجَنَّةَ مَعَ الأَنْبِيَاءِ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ

Allahummaj'al dinana dinan nabiyyi Muhammadin sollallahu 'alaihi wasallam,
wa islamana islamal muslimin,
wa imanana imanal mu'minin,
wa solatana solatal khasyi'in,
wa a'malana a'malas solihin,
wa niyyatana niyyatal mukhlisin,
wa dzunubana dzunubal mustaghfirin (3 kali),
wa hayatana hayatal 'ulama',
wa mautana bimautis syuhada',
wa adkhilnal jannata ma'al anbiya-i 'alaihimus solatu wassalam.

Ya Allah, jadikanlah agama kami agama Nabi Muhammad SAW,
Islam kami seperti Islamnya orang-orang Muslim,
iman kami seperti imannya orang-orang Mukmin,
solat kami seperti solat orang-orang yang khusyuk,
amalan kami seperti amalan orang-orang soleh,
niat kami seperti niat orang-orang yang ikhlas,
dosa kami seperti dosa orang-orang yang beristighfar (memohon ampun),
hidup kami seperti hidup para ulama,
mati kami seperti matinya para syuhada,
dan masukkanlah kami ke dalam syurga bersama para nabi, ke atas mereka selawat dan salam.

اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ سَلاَمَةً فِى الدِّيْنِ
وَعَافِيَةً فِى الجَسَدِ
وَزِيَادَةً فِى العِلْمِ
وَبَرَكَةً فِى الرِّزْقِ
وَتَوْبَةً قَبْلَ المَوْتِ
وَرَحْمَةً عِنْدَ المَوْتِ
وَمَغْفِرَةً بَعْدَ المَوْتِ

Allahumma inna nas-aluka salamatan fid din,
wa 'afiyatan fil jasad,
wa ziyadatan fil 'ilm,
wa barakatan fir rizq,
wa taubatan qablal maut,
wa rahmatan 'indal maut,
wa maghfiratan ba'dal maut.

Ya Allah, sesungguhnya kami memohon kepada-Mu keselamatan pada agama,
kesihatan pada tubuh badan,
tambahan ilmu pengetahuan,
keberkatan pada rezeki,
taubat sebelum mati,
rahmat ketika mati,
dan keampunan selepas mati.

اَللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا فِى سَكَرَاتِ المَوْتِ، وَالنَّجَاةَ مِنَ النَّارِ وَالعَفْوَ عِنْدَ الحِسَابِ

Allahumma hawwin 'alaina fi sakaratil maut, wan najata minan nar, wal 'afwa 'indal hisab.

Ya Allah, ringankanlah ke atas kami semasa sakaratulmaut, dan lepaskanlah (kami) dari api neraka, dan berilah pengampunan semasa diadakan perhitungan (hisab).

اَللَّهُمَّ اخْتِمْ لَنَا بِحُسْنِ الْخَاتِمَةِ وَلاَ تَخْتِمْ عَلَيْنَا بِسُوءِ الْخَاتِمَةِ

Allahummakhtim lana bihusnil khatimah, wa la takhtim 'alaina bisu-il khatimah.

Ya Allah, akhirilah hidup kami dengan husnul khatimah (kesudahan yang baik), dan jangan Engkau akhiri hidup kami dengan su-ul khatimah (kesudahan yang buruk).

---

al-A'raf 7:23

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِيْنَ

Rabbana zholamna anfusana wa illam taghfir lana wa tarhamna lanakunanna minal khasirin.

Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi.

Berdasarkan hadis al-Bukhari 6369 dan Abu Dawud 1555

اَللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الهَمِّ وَالْحَزَنِ
وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ العَجْزِ وَالكَسَلِ
وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ الجُبْنِ وَالبُخْلِ
وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

Allahumma inna na'udzu bika minal hammi wal hazan,
wa na'udzu bika minal 'ajzi wal kasal,
wa na'udzu bika minal jubni wal bukhl,
wa na'udzu bika min ghalabatid daini wa qahrir rijal.

Ya Allah, kami berlindung dengan-Mu daripada kerisauan dan kesedihan,
kami berlindung dengan-Mu daripada sifat lemah dan malas,
kami berlindung dengan-Mu daripada sifat penakut dan bakhil,
kami berlindung dengan-Mu daripada bebanan hutang dan penindasan orang.

Ali 'Imran 3:8

رَبَّنَا لاَ تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الوَهَّابُ

Rabbana la tuzigh qulubana ba'da idz hadaitana wa hab lana mil ladunka rahmah, innaka antal wahhab.

Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisiMu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberianNya.

---

al-Baqarah 2:201

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Rabbana atina fid dunya hasanah, wa fil akhirati hasanah, wa qina 'adzaban nar.

Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

Wa sollallahu 'ala sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa sohbihi ajma'in,
walhamdu lillahi rabbil 'alamin.

Semoga Allah mencucuri rahmat dan sejahtera ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas seluruh keluarga dan sahabat-sahabat baginda.
Dan segala puji itu tertentu bagi Allah, Tuhan pentadbir seluruh alam.

Mencari “doa selepas solat jawi”? Tulisan yang biasanya dimaksudkan ialah teks Arab berbaris di atas. Kami tidak menemui versi jawi (bahasa Melayu dalam tulisan jawi) yang diterbitkan oleh badan rasmi.

Tentang doa ini

Doa ini ialah himpunan. Tiga baris diambil daripada al-Quran (al-A'raf 7:23, Ali 'Imran 3:8 dan al-Baqarah 2:201), dan doa berlindung daripada kerisauan dan kesedihan berasal daripada hadis (Sahih al-Bukhari 6369; lafaz "ghalabatid dain wa qahrir rijal" daripada Sunan Abi Dawud 1555). Baris-baris lain ialah doa susunan yang tersebar luas dalam buku doa dan risalah masjid; kami tidak menemui satu hadis khusus bagi lafaznya.

Elok dibaca selepas zikir. Menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, berzikir dan berdoa selepas solat fardu ialah amalan yang digalakkan, jadi tidak perlu tergesa-gesa bangun selepas memberi salam.

Sumber teks

- Teks dan maksud ayat al-Quran: Quran.com, terjemahan Abdullah Basmeih (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman)
- Hadis: Sahih al-Bukhari 6369
- Sunan Abi Dawud 1555
- Panduan: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Al-Kafi #713